

# MOHE SPORTS FEST 2018

---

## PERATURAN AM

### 1 NAMA

Pertandingan ini dinamakan MOHE Sports Fest 2018.

### 2 PENGELOLA

2.1 MOHE Sports Fest 2018 ini dikelola oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dengan kerjasama dari majlis-majlis berikut:-

2.1.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)

2.1.2 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)

2.1.3 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)

2.1.4 Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)

2.2 Bagi maksud pengelolaan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti sukan kepada satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh KPT.

2.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan MOHE Sports Fest 2018 kepada badan/persatuan sukan yang terlibat dalam pengelolaan MOHE Sports Fest 2018.

### 3 KELAYAKAN

3.1 Semua IPT yang bernaung dibawah KPT termasuk pasukan jemputan layak menyertai MOHE Sports Fest 2018.

3.1.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di IPTA, IPTS, Politeknik dan Kolej Kumuniti adalah layak menyertai MOHE Sports Fest 2018.

3.1.2 Semua pelajar yang berdaftar (kursus 16 bulan dan lebih) dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat sijil di Kolej Komuniti adalah layak menyertai MOHE Sport Fest 2018.

3.1.3 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat

## **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Universiti masing-masing.

- 3.1.4 Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk satu pasukan bagi mewakili institusi dimana beliau mendaftar sebagai pelajar.
- 3.1.5 Had kelayakan umur atlit adalah dibawah umur 28 tahun pada tahun kejohanan.
- 3.1.6 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili pasukan sehingga semester baru dibuka (kecuali semester khas).
- 3.2 Peserta program pertukaran pelajar (Student Exchange) tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kejohanan.
- 3.3 Seseorang pemain, pegawai atau pasukan yang digantung permainannya oleh badan-badan di bawah tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini sepanjang tempoh pengantungannya.
  - 3.3.1 Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
  - 3.3.2 Majlis Sukan IPTS Malaysia (MASISWA)
  - 3.3.3 Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP)
  - 3.3.4 Majlis Sukan Kolej Komuniti (MASKOM)
  - 3.3.5 Persatuan Sukan Negeri
  - 3.3.6 Persatuan Sukan Kebangsaan

## **4 AKREDITASI**

- 4.1 Semua pasukan dimestikan menggunakan sistem pendaftaran online yang dikeluarkan oleh pihak pengelola.
- 4.2 Salinan borang pendaftaran/kelayakan akademik pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat/Unit/Jabatan Sukan beserta pengesahan daripada bahagian akademik pelajar.
- 4.3 Setiap pasukan dimestikan menyerahkan borang pendaftaran/kelayakan akademik pasukan, borang pengesahan peserta (I-Form), salinan kad pelajar dan salinan kad pengenalan/passport kepada Jawatankuasa TAC semasa mengambil Kad Akreditasi.

## **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

- 4.4 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad pelajar sepanjang MOHE Sports Fest 2018 dijalankan.
- 4.5 Pasukan yang bertanding adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kad pelajar untuk disemak oleh jawatankuasa teknikal dan pertandingan pada bila-bila masa disepanjang tempoh kejohanan.
- 4.6 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pengesahan atlit mengikut permainan sahaja layak mengambil bahagian.
- 4.7 Sebarang pertukaran pemain selepas tarikh tutup pendaftaran individu akan dikenakan denda seperti berikut :
  - 4.7.1 Selepas tarikh tutup pendaftaran online sehingga seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan akan dikenakan denda sebanyak RM20.
  - 4.7.2 Pertukaran pemain yang mengalami kecederaan boleh dibuat seminggu sebelum taklimat pengurus-pengurus pasukan sehingga sehari sebelum taklimat pengurus - pengurus pasukan dengan disertakan pengesahan dari pihak Pusat Kesihatan Universiti/Hospital Kerajaan/Klinik Kerajaan dan dikenakan denda sebanyak RM30.
  - 4.7.3 Kad yang hilang / rosak akan dikenakan denda sebanyak RM30 bagi setiap penggantian kad yang baru dibayar secara tunai kepada Jawatankuasa Kad Akreditasi.

### **5 BILANGAN PEGAWAI/ PESERTA**

Bilangan pegawai dan peserta adalah mengikut peraturan permainan sukan berkenaan.

### **6 YURAN PENYERTAAN**

- 6.1 Semua yuran penyertaan perlu dibuat secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) di Akaun Bank Muamalat , MASUM (Bahagian Sukan): 12100001167711.
- 6.2 Bukti pembayaran perlu dimuat naik di dalam sistem pertandingan kejohanan.
- 6.3 Nilai yuran penyertaan adalah mengikut peraturan permainan sukan berkenaan.

# **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

## **7 REFERI KEHORMAT/ KETUA PENGADIL**

- 7.1 Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan.
- 7.2 Referi Kehormat/Ketua Pengadil hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola sepanjang pertandingan dijalankan bagi semua permainan yang dipertandingkan.
- 7.3 Segala keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang bantahan terhadap keputusan pengadil tidak akan dilayan.

## **8 PAKAIAN**

- 8.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

## **9 PERALATAN**

- 9.1 Semua jenis peralatan rasmi permainan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018.
- 9.2 Semua peralatan dan venue pertandingan akan disediakan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

## **10 SISTEM PERTANDINGAN**

- 10.1 Sesuatu pertandingan hanya dapat dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat minima 6 pasukan dari pasukan berlainan yang mengambil bahagian.
- 10.2 Sistem pertandingan akan dijalankan secara Liga dan/atau Kalah Mati. Manakala bagi acara individu, pertandingan hanya akan dijalankan sekiranya terdapat minima 6 penyertaan pasukan berlainan atau mengikut peraturan sukan berkenaan.
- 10.3 Jika ada penarikan diri setelah majlis undian rasmi, pertandingan akan dijalankan walaupun terdapat penyertaan dibawah minimum 6 pasukan berlainan mengikut ketetapan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018.
- 10.4 Undian Kumpulan dan Jadual Pertandingan.

## MOHE SPORTS FEST 2018

---

10.4.1 Undian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018 dan susunan jadual pertandingan akan dibuat mengikut format yang ditetapkan.

10.4.2 Format bagi sistem liga kumpulan adalah seperti berikut:-

Jumlah Pasukan	Jumlah Pasukan Dalam Kumpulan	
	Kumpulan	Format
6	2	3,3
7	2	3,4
8	2	4,4
9	3	3,3,3
10	3	3,3,4
11	3	3,4,4
12	4	3,3,3,3
13	4	3,3,3,4
14	4	3,3,4,4
15	5	3,3,3,3,3
16	5	3,3,3,3,4
17	5	3,3,3,4,4
18	6	3,3,3,3,3,3
19	6	3,3,3,3,3,4
20	6	3,3,3,3,4,4
21	7	3,3,3,3,3,3,3
22	7	3,3,3,3,3,3,4
23	7	3,3,3,3,3,4,4
24 dan seterusnya	8 dan seterusnya	3,3,3,3,3,3,3,3

10.5 Pasukan johan dan naib johan setiap kumpulan akan layak ke pusingan seterusnya.

10.6 Undian pusingan kedua akan dijalankan mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018 dengan mengambil kira johan dan naib johan kumpulan dipisahkan dibahagian atas dan bawah carta kalah mati.

# **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

## **11 KELEWATAN**

- 11.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan.
- 11.2 Hukuman kepada pasukan yang lewat mengikut jadual yang telah ditetapkan akan mengikut peraturan permainan berkenaan.

## **12 PENANGGUHAN**

- 12.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 12.2 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.
- 12.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan, Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018 hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

## **13 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH**

- 13.1 Setiap pasukan/individu dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.
- 13.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

## **14 BANTAHAN**

- 14.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pengurus pasukan dan disahkan oleh Ketua Kontigen atau wakil IPT berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Penyelaras Teknikal Permainan berkenaan untuk dipanjangkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.
- 14.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan penganjur sekiranya bantahan itu tidak diterima.

## **MOHE SPORTS FEST 2018**

---

- 14.3 Sekiranya bantahan diterima oleh Jawatankuasa Bantahan maka wang cagaran sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) sahaja akan dikembalikan dan RM 200.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) yuran proses.
- 14.4 Semua bantahan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.
- 14.5 Semua bukti ke atas bantahan perlulah dikemukakan oleh pihak yang membantah atau merayu kepada jawatankuasa yang ditubuhkan.
- 14.6 Keputusan Jawatankuasa Bantahan adalah muktamad.

### **15 JAWATANKUASA BANTAHAN**

- 15.1 Terdiri daripada 5 orang seperti berikut.
  - 15.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018 atau Wakil.
  - 15.1.2 Penyelaras Teknikal Permainan MOHE Sports Fest 2018 yang berkenaan.
  - 15.1.3 Tiga orang Pengurus Pasukan permainan berkenaan yang berkecuali.

### **16 SIJIL**

Sijil Penyertaan akan disediakan oleh penganjur dan akan diberi kepada semua peserta.

### **17 HADIAH**

- 17.1 Hadiah akan disediakan oleh pengelola untuk pemenang-pemenang mengikut setiap permainan.
- 17.2 Hadiah kemenangan akan disediakan seperti berikut :-
  - 17.2.1 Golf : Barangan dan Medal (1-10 Kategori Lelaki)  
: Barangan dan Medal (1-4 Kategori Wanita)
  - 17.2.2 Renang : Wang tunai dan Medal (1-3 Kategori Lelaki dan Wanita)
  - 17.2.3 Olahraga : Wang tunai dan Medal (1-3 Kategori Lelaki dan Wanita)
  - 17.2.4 Petanque : Wang tunai dan Medal (1-3 Kategori Lelaki dan Wanita)
  - 17.2.5 Ping Pong : Wang tunai dan Medal (1-3 Kategori Lelaki dan Wanita)

### **18 DENDA**

- 18.1 Mana-mana universiti yang mendaftarkan pemain yang tidak layak bermain tindakan akan diambil seperti berikut :
  - 18.1.1 Penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan.
  - 18.1.2 Penyertaan pada tahun berikutnya akan digantung.  
(digantung 1 tahun)
- 18.2 Penarikan diri pasukan setelah jadual pertandingan dibuat akan menyebabkan pasukan tersebut digantung penertaan pada tahun berikutnya bagi acara berkenaan sahaja (digantung 1 tahun).
- 18.3 Penarikan diri pasukan semasa pertandingan berlangsung akan menyebabkan penyertaan pada kejohanan tersebut akan dibatalkan.

### **19 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 19.1 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan **TIDAK DIBENARKAN** semasa taklimat Pengurus Pasukan.
- 19.2 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.
- 19.3 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan MOHE Sports Fest 2018 dan keputusannya adalah muktamad.